

Empat penyelidik muda terpilih ke Jerman

Kuala Lumpur: Empat penyelidik muda tempatan dalam bidang sains terpilih untuk menghadiri Perjampaan Penerima Anugerah Nobel di Lindau, Jerman bagi mengembangkan kajian mereka, hujung bulan ini.

Mereka adalah Dr Woi Pei Meng, Dr Irene Ling dan Noor Idayu Mat Zahid dari

Universiti Malaya (UM) serta Sivasangar Seenivasagam dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Noor Idayu, 27, yang sedang mengikuti program tahun akhir Ijazah Doktor Fal-safah (PhD) Kimia Fizikal berkata, dia tidak sabar berjumpa dengan penerima Anugerah Nobel untuk ber-

tanyakan pengalaman dan kisah mereka sehingga mencapai kejayaan.

“Saya juga mahu menggunakan peluang ini untuk menjalankan kerjasama dan bertukar pendapat dengan penyelidik muda dari pelbagai negara untuk mengembangkan penyelidikan saya,” katanya di sini, semalam.